



## Pelajar tanam 501 pokok bakau

Oleh SAMSUDIN OLI MOHAMED  
payautusan@mediamula.com.my

**A**TAS dasar membantu komuniti meneruskan pemuliharaan dan menjamin kelestarian bakau di masa akan datang, sebanyak 501 pokok bakau di tanam di kawasan Yan, Kedah.

Program Pemuliharaan dan Kelestarian Bakau itu dianjurkan Kelas Pentadbiran Alam Sekitar dengan kerjasama Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) **Universiti Utara Malaysia (UUM)**. Ia membabitkan penyertaan 106 peserta terdiri dari mahasiswa, pelajar dan kakitangan.

Dekan SOG, Prof. Madya Dr. Halimah Abdul Manaf berkata, projek *Service Learning (SULAM)* itu merupakan program khidmat masyarakat yang melibatkan pensyarah, mahasiswa dan pelajar Sekolah



**PROGRAM** berimpak tinggi ini dijalankan bagi membantu komuniti di sekitar daerah Yan.

kebangsaan Sungai Limau, Sekolah Menengah Kebangsaan Dulang, Jabatan Perhutanan Kedah dan Pejabat Daerah Yan.

"Program berimpak tinggi ini dijalankan bagi membantu komuniti di sekitar daerah ini meneruskan pemuliharaan

ruang kerjasama antara pusat pengajian dengan komuniti, jabatan kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan (NGO).

"Penyertaan dan penglibatan semua pihak dalam program ini dilihat menunjukkan jalinan hubungan yang baik dengan universiti terutama dalam aspek pelaksanaan aktiviti," katanya.

Pelaksanaan aktiviti seperti ini

dapat mengembangkan dan memperkukuhkan pengajian dan pengkajian bidang pengurusan awam dan pembangunan yang dikendalikan oleh SOG UUM.

Halimah bersama 106 peserta lain turut mendengar taklimat dan menanam pokok bakau di sekitar kawasan itu.

